



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan pengkhususan berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja/ perkhidmatan berikut:-

Tajuk Sebutharga/ No. sebutharga	Syarat-syarat Pendaftaran	Tarikh dan Tempat Dokumen Boleh didapati	Tarikh Buka dan Tutup
Sebut harga Bagi Perkhidmatan Rawatan Anai-anai dan Makhluk Perosak Secara Komprehensif Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Di 77 Buah Perpustakaan Untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. NO. SEBUTHARGA : PPAS/PEST CONTROL/3/2016	Berdaftar dengan : 1. Kementerian Kewangan Malaysia - Kod Bidang : 220901 2. Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak dari Jabatan Pertanian 3. Berdaftar dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	Dokumen boleh didapati mulai 26/4/2016 di Tkt 3, Bhg. Pentadbiran & Pengurusan, Perp. Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. Taklimat : 26/4/2016 (Selasa) Jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Tkt 3, Perpustakaan Raja Tun Uda, Seksyen 13, Shah Alam	Tarikh Buka : 26 April 2016 Tarikh Tutup : Jam 12.00 tengahari pada 3 Mei 2016

1. Syarikat hendaklah mengemukakan salinan sijil yang masih sah tempoh laku semasa mengemukakan sebut harga.
2. Syarikat dinasihati membuat lawatan tapak terlebih dahulu supaya lebih jelas dan faham sebelum mengemukakan tawaran sebut harga.
3. Sebut harga adalah termasuk segala cukai dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan.
4. Pihak Perbadanan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan tidak perlu memberi sebab bagi menolak tawaran tersebut.
5. Pihak Perbadanan tidak akan melayan sebarang bentuk rayuan.
6. Hanya kontraktor yang berjaya sahaja akan dihubungi. Jika pihak kontraktor tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup sebut harga bermakna tawaran sebut harga tersebut adalah tidak berjaya.
7. Borang sebut harga yang telah dipenuhi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan mencatatkan perkataan "**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN RAWATAN ANAI-ANAI DAN MAKHLUK PEROSAK SECARA KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DI 77 BUAH PERPUSTAKAAN UNTUK PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR. NO. SEBUTHARGA : PPAS/PEST CONTROL/3/2016**" di bahagian atas sebelah kiri sampul surat tidak lewat jam **12.00 tengahari** sebelum atau pada pada **3 Mei 2016** ke alamat seperti berikut :-

**PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
D/A PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA
TINGKAT 3, BAHAGIAN KEWANGAN & PENYELENGGARAAN
JALAN KELAB GOLF 13/6, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR**

Pihak Perbadanan tidak akan bertanggungjawab ke atas kelewatan tawaran yang dibuat melalui pos.